

JUDUL : Utusan Malaysia

TARIKH : Jumaat, 31 Mei 2019

M/S : 10



MUHAMMAD BAKHTIAR WAN CHIK (tengah) yang diiringi Maizan Ismail dan Dr. Mohd. Farid Ravi Abdullah merasmikan program World #QuranHour 2019 di Auditorium Anjung Bestari, Perpustakaan Negara Malaysia, Kuala Lumpur, semalam. - UTUSAN/ROHAIDA ZULKIFLI

World #QuranHour hebatkan industri pelancongan Islam

KUALA LUMPUR 30 Mei - Program World #QuranHour akan menjadi salah satu platform bagi memperhebatkan industri pelancongan Islam negara terutama menjelang Tahun Melawat Malaysia tahun hadapan.

Timbalan Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya, Muhammad Bakhtiar Wan Chik berkata, menurut hasil kaji selidik Indeks Pelancongan Muslim Global 2018, Malaysia kekal berada di tempat pertama dengan skor sebanyak 380.4 sebagai destinasi pelancongan Islam paling popular.

"Ini berdasarkan kriteria dalam kemudahan perkhidmatan mesra Islam yang mudah untuk didapati yang merangkumi restoran yang diiktiraf halal, kawasan dan ruang solat serta lapangan terbang dan ho-

tel yang mesra Islam.

"Selain itu, Malaysia juga begitu komited dalam menghasilkan produk pelancongan Islam negara yang baik dengan menerapkan nilai-nilai Islam dalam pengurusan pentadbiran negara, memacu pertumbuhan halal dan produk halal, serta pembinaan infrastruktur dan mercu tanda berkonsepkan seni bina Islam," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar selepas perasmian program World #QuranHour Perpustakaan Negara di sini hari ini.

Hadir sama, Timbalan Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia, Maizan Ismail; dan Pensyarah Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), Dr. Mohd. Farid Ravi Abdullah.

Menurut Muhammad Bakhtiar, Malaysia kini banyak menerima pelancong daripada Asia Barat dan Asia Tengah seperti Kazakhstan, Uzbekistan dan Azebaijan yang tertarik dengan kemudahan mesra pengunjung Islam di negara ini.

"Tidak lama lagi kita akan ada Air Arabia, syarikat penerbangan Emiriah Arab Bersatu (UAE) untuk terbang secara terus ke Kuala Lumpur. Dan, Qatar Airways akan memulakan penerbangan daripada Doha ke Pulau Pinang dan Langkawi empat kali seminggu."

"Selepas 29 Oktober akan jadi lima kali seminggu. Ini kita sangat alu-alukan. Dia bawak masuk bukan sahaja pelancong dari timur tengah tetapi daripada Eropah juga," katanya.